Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 tak capai tahap memberangsangkan - Bee Yin

Oleh Latifah Arifin - Mac 4, 2024 @ 6:14pm
latifah@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Keberhasilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dalam melaksanakan transformasi dan meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini secara menyeluruh dilihat tidak mencapai tahap memberangsangkan.

Walaupun pelan itu dilabelkan berjaya, Yeo Bee Yin (PH-Puchong) berkata, terdapat kelompangan ketara yang masih belum dapat ditangani, antaranya pencapaian negara dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA).

"PPPM ini dihasilkan ketika Pagoh (Tan Sri Muhyiddin Yassin) menjadi Menteri Pendidikan. Ketika lancarkan rangka tindakan ini, dikatakan kosnya RM20 juta kerana kerajaan melantik konsultan terkenal untuk menghasilkannya.

"Saya tengok laporan berita tahun lalu, apabila kerajaan sambut sedekad 'blueprint' ini, mereka labelkan sebagai berjaya. Hari ini saya ingin bertanya sama ada pelaksanaannya betul-betul berjaya," katanya pada perbahasan Titah Diraja di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata, pencapaian negara dalam PISA jauh ke belakang berbanding negara lain yang menyertai penilaian itu.

"Dalam blueprint itu ada menyatakan, antara keberhasilan utama yang ingin dicapai melalui transformasi pendidikan yang dijalankan adalah bagi meningkatkan pencapaian negara daripada kumpulan sepertiga terbawah kepada sepertiga ke atas dalam kalangan negara yang menyertai penilaian termasuk PISA.

"Namun, selepas 11 tahun blueprint ini dilancarkan, Malaysia masih lagi di kumpulan sepertiga terbawah di PISA. Kita berada di tempat keempat di rantau Asia Tenggara selepas Singapura, Vietnam dan Brunei," katanya.

Memberikan contoh, jelasnya di Malaysia hanya 41 peratus pelajar berusia 15 tahun yang dapat mencapai sekurang-kurangnya tahap dua bagi skor Matematik.

"Misalnya untuk soalan asas Matematik yang meminta pelajar bandingkan jarak dua laluan alternatif atau menukar harga kepada mata wang berbeza pun tidak dapat dijawab oleh lebih daripada separuh pelajar kita.

"Lebih menyedihkan, jika dibandingkan dengan pelajar di Singapura, Macau, Estonia, jumlah yang boleh jawab Matematik tahap dua adalah lebih 85 peratus," katanya.

Sehubungan itu, beliau menuntut penjelasan daripada KPM dan ingin tahu sama ada semua cadangan yang terdapat dalam rangka tindakan PPPM sudah dilaksanakan sepenuhnya.

"Jika kita masih tenang, saya khuatir pelajar kita tidak boleh bersaing dengan pelajar (negara lain), malah Vietnam juga telah meninggalkan kita.

"Saya juga ingin tahu strategi KPM untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam membaca, Matematik dan Sains. Sebenarnya ada banyak cadangan yang boleh dimanfaatkan dalam blueprint ini untuk tingkatkan prestasi pelajar, tetapi ia tidak dilaksanakan lagi," katanya.

Untuk rekod, Malaysia menyertai kajian PISA sebanyak lima pusingan iaitu pada 2009, 2012, 2015, 2018 dan 2022 di mana negara serantau yang turut mengambil bahagian ialah Brunei, Kemboja, Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand serta Vietnam.